

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (28)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2016-2017)
BILANGAN 2 TAHUN 2016**

Tarikh	: 26 Februari 2016 (Jumaat)
Masa	: 10.00 Pagi – 11.56 Pagi
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 8 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang bulan Januari dan Februari 2016.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

- 3.1 Beliau bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis. Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Majlis dan Pengarah-pengarah di atas komitmen yang diberikan kepada beliau untuk mentadbir MBPJ. Justeru itu, beliau sangat berharap agar komitmen dan kerjasama di antara kita semua berpanjangan dan sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi dan kerja berpasukan agar kita dapat menguruskan Bandar Raya Petaling Jaya ini dengan cemerlang sejajar dengan misi kita menjadikan Petaling Jaya sebagai **Bandar Raya Peneraju, Dinamik Dan Lestari**.



3.2 MEMPERKASAKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

Perkhidmatan MBPJ kini sedang menghadapi cabaran berhadapan ekspektasi yang semakin meningkat dari warga bandar raya Petaling Jaya. Mereka yang berkepentingan terdiri daripada pembayar cukai, ahli perniagaan, pelabur, NGO dan lain-lain akan sentiasa menghendaki MBPJ berterusan meningkatkan perkhidmatan perbandaran dari semasa ke semasa khususnya dari segi kutipan sampah, pembersihan bandar, penyediaan infrastuktur yang selamat dan selesa, pembangunan komuniti, pembangunan fizikal yang seimbang. Aspek-aspek keutamaan ini amat diharapkan oleh pelanggan dan ‘stakeholders’ Majlis. Berpaksikan kepada teras utama iaitu Tadbir Urus, Masyarakat, Alam Sekitar dan Ekonomi, Majlis mestilah mendaya usahakan Petaling Jaya agar terus dipacu untuk menjadi kota yang berdayahuni, berdaya tahan, dicintai dan lestari.

Setiap Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan semua peringkat kakitangan perlu mengambil sikap pemilikan (ownership) terhadap semua projek-projek dan program-program yang dilaksanakan atau cabaran yang dihadapi oleh Majlis dan tidak menganggap ianya milik sesuatu jabatan atau individu tertentu serta mengambil sikap lepas tangan tanpa memberi sebarang komitmen. Amat penting bagi kita semua bekerja sebagai satu pasukan, serta melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam mendepani cabaran persekitaran yang semakin meningkat saban hari.

Semua pihak tidak boleh mudah berpuas hati terhadap apa yang telah dilaksanakan dan perlu terus berfikir serta melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan secara dinamik dan berterusan. Justeru itu, beliau ingin menasihatkan setiap Ahli Majlis dan wargakerja MBPJ supaya memahami secara terperinci tugas yang mereka laksanakan dan meningkatkan sistem penyampaian yang lebih baik dengan cara melakukan penambahbaikan secara inovatif.

Beliau memberikan contoh kempen bayaran kompaun yang merupakan inisiatif perkhidmatan MBPJ yang diberikan kepada penduduk Petaling Jaya di mana pengurangan sebanyak 80% diberikan berkuatkuasa daripada 1 Disember 2015 sehingga 29 Februari 2016. Kempen ini berjaya menarik penduduk untuk membayar kompaun lalulintas yang dikenakan kepada mereka. Majlis juga akan mengambil tindakan dengan mengemukakan senarai pesalah yang gagal membayar denda kompaun kepada JPJ untuk disenaraihitamkan.



Kempen tersebut telah berjaya meningkatkan kesedaran orang awam terutama OKK untuk membayar denda dan Majlis pula dapat membuat kutipan tertunggak sebanyak lebih kurang RM1.16 juta dalam tempoh dua (2) bulan.

Memandangkan tempoh 29 Februari merupakan tempoh tamat bayaran cukai tafsiran dan kompaun, beliau berharap agar Unit Teknologi Maklumat meningkatkan usaha agar sistem bayaran berjalan dengan lancar dan tidak menimbulkan masalah. Tambahan kaunter bayaran perlu diadakan demi melancarkan tugas-tugas bahagian kaunter.

3.3 GROSS DEVELOPMENT VALUE (GDV)

Meskipun pada tahun 2015, kita berdepan dengan cabaran ekonomi negara yang kurang memberangsangkan, pembangunan di Petaling Jaya tetap berkembang maju di mana anggaran *Gross Development Value (GDV)* yang dijana adalah **RM10.3 billion** manakala anggaran *Gross Development Cost (GDC)* pula mencecah **RM7.7 billion**.

Beliau juga memaklumkan bahawa sepanjang tahun 2015, Majlis telah menerima sebanyak **442 permohonan** pelan-pelan pembangunan merangkumi permohonan kebenaran merancang, pelan landskap, pelan-pelan kejuruteraan dan pelan bangunan.

3.4 DASAR AGRO MAKANAN NEGARA 2011-2020

Dalam usaha menerapkan rasa tanggungjawab warga Petaling Jaya ke atas alam sekitar dan kawasan-kawasan rekreasi amnya, Jabatan Landskap mengambil inisiatif untuk menjalankan beberapa program bersama komuniti seperti **Kawasan Lapang Angkat** dan **Kebun Kejiranan Komuniti**.

Program Kawasan Lapang Angkat telah diperkenalkan semasa pengisian program Kempen Anti-Vandalisma dan Budaya Menyelenggara yang diadakan pada tahun 2003. Terma Kawasan Lapang Angkat merujuk kepada satu kawasan lapang yang disediakan untuk tujuan aktiviti riadah penduduk di sesebuah kawasan kediaman ataupun satu perkampungan di Petaling Jaya dan lazimnya dikenali sebagai Kawasan Lapang/Taman mengikut nama jalan, Kondominium, Pangsapuri atau Rumah Pangsa.

Program Kawasan Lapang Angkat ini bertujuan untuk mendedahkan masyarakat kepada perlakuan vandalisme yang wujud di Petaling Jaya selain mendidik masyarakat untuk mencintai harta awam dan membenci perlakuan vandalisme. Melalui program ini, komuniti yang dilantik akan menjadi ‘mata dan telinga’ kepada Majlis bagi mengawasi



penggunaan kawasan-kawasan lapang angkat di bawah jagaan mereka.

Setakat bulan Februari 2016, lebih 30 kawasan lapang angkat telah diserahkan kepada wakil-wakil penduduk sekitar Petaling Jaya, kawasan terbaru adalah Taman Permainan Jalan Cecawi 6/26A yang dipantau oleh Badan Kejiranan & Keselamatan Penduduk Mekar Teratai. Kawasan ini telah diserahkan sebagai kawasan lapang angkat pada 2 Februari yang lalu.

Kebun Kejiranan Komuniti pula merupakan satu inisiatif jabatan bagi menggalakkan pertanian bandar di kalangan penduduk Petaling Jaya. Kebun Kejiranan Komuniti merujuk kepada aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan perumahan oleh komuniti. Bagi tahun 2016, sebanyak 6 kebun baru akan dibangunkan di bawah program ini selain pemantauan ke atas kebun sedia ada. Kebun-kebun baru yang dimohon adalah di Jalan BU 12/5, Jalan SS24/20, PJS 3/52, Jalan Nuri 7/1A, PPR Seksyen 8, Kota Damansara dan Jalan Railway 1/2 manakala pemantauan bagi kawasan sedia ada di PJS 6/4E. Kebun-kebun ini dibangunkan di atas tanah-tanah lapang yang terbiar bagi mengelakkan kawasan-kawasan tersebut menjadi tempat pembuangan sampah haram.

Selain itu, fokus utama program ini bertujuan menggalakkan penduduk bercucuk tanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan di samping dapat mengurangkan impak kos kenaikan harga serta meringankan beban kewangan. Ianya selaras dengan **Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020** iaitu jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat kepada penduduk. Oleh yang demikian, program ini akan memberi lebih tumpuan kawasan-kawasan perumahan kos rendah sekitar Petaling Jaya.

3.5 PROGRAM DI KAMPUNG SELAMAT : KAMPUNG BERSIH DAN HIJAU

Majlis telah melaksanakan beberapa program di Kampung Selamat, Sg. Buloh untuk menjadikan kampung tersebut sebagai Kampung Bersih dan Hijau menjelang bulan April 2016. Ke arah itu, pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya ialah program tanggungjawab sosial (CSR) pada 3/10/2015, pengindahan landskap di laluan masuk, penyerahan 61 unit tong sampah bagi menukar kaedah tong sampah berpusat kepada kutipan dari rumah ke rumah dengan kekerapan 3 kali seminggu, serta melaksanakan program kesedaran alam sekitar yang telah diadakan pada 21/2/2016 yang menitikberatkan pengurusan tenaga, sampah dan pembuatan baja kompos di rumah. Majlis juga merancang untuk mengadakan program gotong-royong perdana pada bulan Mac 2016 ini.



3.6 OPERASI MEROBOH DI PJS 10/24

MBPJ bersama dengan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling (PTD) telah menjalankan operasi dan tindakan meroboh struktur binaan pelbagai aktiviti di bawah rentis TNB di kawasan PJS 10/24 pada 25 Februari 2016. Dalam operasi ini sebanyak 37 struktur binaan gerai telah dirobohkan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) (1965). Tindakan notis telah dibuat pada tahun 2014 dan 2015 ke atas premis-premis tersebut.

3.7 OPERASI PUSAT HIBURAN

Majlis telah menjalankan operasi dan tindakan penguatkuasaan terhadap pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen dan melanggar syarat lesen di kawasan Petaling Jaya. Majlis telah menjalankan operasi bersepadu bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada 19 Februari 2016 ke atas 4 pusat hiburan di kawasan PJS 8/7. Hasil operasi, 42 pemeriksaan awam dan 1 tangkapan dibuat manakala 3 sitaan premis di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan 1995. Operasi ini bertujuan untuk mengatasi masalah pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen dan melanggar syarat lesen.

3.8 MAJLIS PELANCARAN PELAN INDUK KESELAMATAN PJ DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ)

Di dalam usaha untuk mewujudkan bandar selamat di Petaling Jaya, MBPJ telah menjalankan inisiatif baru iaitu pemberian insentif kepada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) sebanyak RM6,000.00 bagi tahun 2016 yang bergiat aktif di dalam menjalankan pelbagai aktiviti keselamatan. Ini merupakan satu program “Public Engagement” yang telah berjaya dilaksanakan di Petaling Jaya di bawah program Local Agenda 21 sekaligus menggalakkan penyertaan dan penglibatan penduduk Petaling Jaya untuk bersama-sama menjaga keselamatan bagi kawasan kejiranan masing-masing. Pada 16 Mac 2015, MBPJ akan mengadakan Majlis Pelancaran Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya dan Penyampaian Sumbangan PKKPJ kepada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang telah memohon dan memenuhi syarat dan kriteria untuk menubuhkan pasukan keselamatan di kawasan kejiranan masing-masing. Majlis ini akan disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor.



4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 1 TAHUN 2016 (PENGGAL 2016/2017)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 1 Tahun 2016 bertarikh 27 Januari 2016 telah diluluskan tanpa pindaan.

4.2 MAKLUMAN MESYUARAT PRE COUNCIL BERTARIKH 3 FEBRUARI 2016

4.2.1 Mengambil maklum keanggotaan Ahli Majlis di dalam Jawatankuasa Majlis dan mengambil maklum minit Pre Council hanya boleh disahkan di dalam Mesyuarat Pre Council sahaja.

5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 12 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 JANUARI 2016.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1.2	UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN IR LEE SUET SEN - PJ City Bus Beliau berpendapat MBPJ perlu ada pelan tindakan pemasaran untuk menyokong usaha 'PJ CITY Bus' yang boleh menjadi icon Petaling Jaya satu hari kelak sama ada melalui sidang akhbar atau cara pemasaran yang baik.	Majlis boleh membuat pemasaran bagi Perkhidmatan PJ City Bus kerana pembiayaan projek ini boleh dibuat melalui Akaun Tabung Amanah Caj Pengangkutan yang akan diwujudkan oleh Majlis melalui caruman pemaju. Selain itu, pemasangan iklan pada 'wrap' bas juga boleh dipertimbangkan bagi menambah Akaun Tabung Amanah ini.



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Tuan Pengurus memutuskan agar Jabatan Kejuruteraan mengemukakan maklumbalas tempoh percubaan selama 3 bulan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas untuk makluman. Kajian semula laluan adalah perlu memandangkan terdapat banyak bas yang bergerak tidak mengikut jadual. Tuan Ir. Lee Suet Sen turut berharap agar peta laluan kemudahan PJ City Bus diedarkan kepada penduduk untuk makluman.</p>
7.1.2	<ul style="list-style-type: none"> - Pelan Induk Pengangkutan Awam <p>Beliau mencadangkan agar penerangan berkaitan pelan induk pengangkutan awam kepada semua Ahli Majlis dibuat selepas Sambutan Tahun Baru Cina. Sementara itu cadangan taklimat kepada penduduk berkaitan apa yang Majlis buat dalam masa setahun setengah ini perlu diadakan bagi mendapatkan maklumbalas daripada penduduk berkaitan perkara ini.</p>	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Pengangkutan Petaling Jaya telah ditetapkan pada 2 Mac 2016 (Rabu) bagi membentangkan Deraf Laporan Akhir Kajian Pengangkutan Petaling Jaya. Berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut, pihak perunding akan membuat pindaan yang mengambilkira semua ulasan dan maklumbalas penambahbaikan sebelum dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Dan Lalulintas untuk kelulusan Majlis. Selepas mendapat kelulusan Majlis, satu taklimat kepada semua Ahli Majlis akan diadakan pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.</p>



6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 4 FEBRUARI 2016 DAN 19 FEBRUARI 2016.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (162)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (164)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAIAN HARTA BERTARIKH 11 FEBRUARI 2016.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/8 (41)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.

6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 FEBRUARI 2016.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (46)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi mukasurat 15 perkara 4.6.2 iaitu:-

4.6.2 Mesyuarat membuat keputusan dan bersetuju dengan:

a) Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Kajian Pengangkutan yang baru terdiri daripada:

- i) Penggerusi - Timbalan Datuk Bandar
- ii) 4 orang Ahli Majlis (mengikut zon)
 - Tuan Ir. Lee Suet Sen (Seksyen)
 - Encik Azizi bin Ariffin (SS)
 - Puan Ermeemarianna binti Saadon (PJS)
 - Encik Tang Fuie Koh (PJU)
- iii) Jabatan-Jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.



**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 16 FEBRUARI 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (61)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 FEBRUARI 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 2 (114)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 29 JANUARI 2016, 17 FEBRUARI 2016 DAN 24 FEBRUARI 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (31)
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (33)
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (35)**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 9 DISEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (86)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.



**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 17 FEBRUARI 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. (2)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit Audit, MBPJ.

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 22 FEBRUARI 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (51)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi muka surat 10 perkara 4.1 iaitu perkara d) Timbalan Datuk Bandar adalah pengurus bagi Jawatankuasa Kerja Pembangunan Usahawan Mikro begitu juga dengan Jawatankuasa Teknikal Rekabentuk Sejagat. Tambahan nama Puan Ghandimathi a/p Suppiah di dalam Jawatankuasa Teknikal Rekabentuk Sejagat.

Selain daripada itu, Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud mencadangkan agar Jabatan Perancangan Pembangunan mengkaji semula kesesuaian jawatankuasa seperti Jawatankuasa Kerja Pembangunan Usahawan Mikro sama ada diletakkan di bawah Jabatan Pelesenan atau Perancangan Pembangunan.

Encik Terence Tan Teck Seng pula mencadangkan agar Jabatan Perancangan Pembangunan mengkaji sama ada boleh mengurangkan jumlah jawatankuasa teknikal yang terlalu banyak kepada jumlah yang kecil (disekalikan atau apa-apa cadangan lain).

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan,
MBPJ.**

6.9.2 Memandangkan terdapat isu ketidak puasan hati di kalangan Ahli Majlis Parti PKR berkaitan pemilihan keanggotaan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa, Tuan Pengurus memutuskan bahawa:-

- i) Buat masa sekarang keanggotaan Ahli Majlis di dalam Mesyuarat Jawatankuasa adalah muktamad memandangkan cadangan keanggotaan adalah daripada parti masing-masing.



- ii) Pertukaran keanggotaan bagi Parti PKR boleh dibuat sekiranya teradapat surat daripada Parti berkaitan pertukaran Ketua Whip PKR. Buat masa sekarang ketua Whip PKR adalah sebagaimana yang ditentukan dahulu.
- iii) Ahli Jawatankuasa Teknikal yang dilantik hendaklah terdiri daripada Ahli mesyuarat jawatankuasa induk. Ahli Majlis lain boleh dipanggil sebagai pemerhati sekiranya perbincangan melibatkan zon pemantauan Ahli Majlis.

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 22 FEBRUARI 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (3)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

**6.11 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 23 FEBRUARI 2016.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (68)]**

6.11.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:-

Mukasurat 17 perkara 7.2 i) Semakan Siapa Pemilik Kedai Pelangi Apartment di Mentari Court.

DIPINDA

- i) Semakan Siapa Pemilik Kedai Puncak Ara Damansara

Beliau meminta agar pihak Majlis membuat siasatan ke atas pemilik beberapa unit kedai Puncak Ara Damasara.

Mukasurat 18 perkara 7.2 iii) Cadangan Skim Air Minuman Percuma kepada Penduduk

DIPINDA

- iii) Cadangan Skim Air Minuman Percuma kepada Pelanggan



Beliau minta dibuat kajian memberi air minuman percuma kepada pelanggan Petaling Jaya dengan diletakkan di beberapa tempat seperti di restoran sebagaimana dilakukan di beberapa buah negara lain contohnya di Singapura.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

7.1.1 Masalah Aduan Penduduk

Beliau memaklumkan antara cabaran menjadi Ahli Majlis, MBPJ adalah menyelesaikan pelbagai aduan memandangkan kebanyakkan aduan-aduan disalurkan terus kepada Ahli Majlis. Penduduk Petaling Jaya kurang yakin terhadap keupayaan Unit Aduan MBPJ untuk menyelesaikan masalah aduan yang disalurkan. Perkara ini semakin ketara bila YAB Dato Menteri Besar Selangor turut memberikan nombor telefon beliau kepada umum bagi menyakinkan penduduk berkaitan aduan yang disalurkan akan diselesaikan. Pada pendangan beliau sekiranya Menteri Besar dan Ahli Majlis serta EXCO tidak menerima panggilan telefon daripada penduduk berkaitan isu aduan yang disalurkan, bermakna pentadbiran sesebuah PBT dikira berjaya.

Bagi mengatasi masalah ini beliau mencadangkan agar seorang Pengarah dan Timbalan Pengarah Aduan dilantik secara 'contract for services' sebagaimana yang pernah dibuat sebelum ini. Masalah ini perlu diselesaikan segera bagi meningkatkan perkhidmatan majlis kepada penduduk Petaling Jaya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Pengarah Jabatan Landskap kerana menyelesaikan masalah aduan pokok tumbang yang disalurkan oleh beliau dalam masa 20 minit. Beliau berharap agar perkara yang sama dibuat sekiranya aduan tersebut adalah daripada penduduk.



7.1.2 Isu Rumah Terbiar

Beliau memaklumkan bahawa isu rumah terbiar di Petaling Jaya telah menjadi isu yang besar yang menjelaskan kesihatan penduduk seperti penularan wabak denggi. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis boleh membuat atau mencadangkan undang-undang yang lebih berkesan dalam menangani isu ini. Cadangan penambahbaikan undang-undang ini hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk kertas kerja.

Beliau berharap agar masalah ini dapat diselesaikan sebagaimana MBPJ menyelesaikan masalah pengangkutan awam. Pendekatan Majlis iaitu menyediakan kemudahan bas percuma dan menambahbaik perkhidmatan bas percuma telah dapat menyelesaikan masalah yang pada mulanya merupakan masalah Kerajaan Persekutuan.

7.1.3 Perjawatan MBPJ

Beliau memaklumkan bahawa gred jawatan di antara Pegawai dan kakitangan Majlis dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah jauh berbeza. Beliau berharap agar Majlis mengambil inisiatif untuk menaik taraf jawatan-jawatan di Majlis serta memohon jawatan tetap untuk kakitangan bertaraf kontrak. Beliau berharap agar jabatan berkaitan melantik 'consultan' bagi tujuan mengkaji perjawatan di MBPJ.

**Tindakan : Timbalan Pengarah, Bahagian Sumber Manusia, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH

- 7.2.1 Beliau memaklumkan berkaitan isu Bandar Seri Damansara di mana di dalam keputusan MTES telah diluluskan pasar pagi namun setelah 3 bulan berlalu masih belum ada apa-apa perkembangan berkaitan pasar tersebut.
- 7.2.2 Beliau turut menyuarakan rasa tidak puashati berkaitan keanggotaan Jawatankuasa Perancangan Bandar yang tidak melibatkan semua Ahli Majlis. Menurut beliau sepatutnya keanggotaan Jawatankuasa Perancangan Bandar dipanjangkan kepada semua Ahli Majlis terutama kawasan yang terlibat dengan pembangunan.



7.3 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

- 7.3.1 Majlis dibangunkan oleh Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta akta-akta lain dan lain-lain pekeliling kerajaan negeri. Akan tetapi permasalahan yang timbul adalah dari segi pelaksanaan oleh pegawai Majlis.

Sebagaimana Seksyen 18(1) Akta 133 iaitu Seseorang yang bercadang hendak memulakan apa-apa kerja bagi mendirikan sesuatu bangunan baharu hendaklah, melainkan jika dikecualikan, memohon kepada pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan suatu perintah daripada pihak berkuasa tempatan menentukan amaun yang dikehendaki di depositkan bagi kerja-kerja jalan dan tarikh yang pada atau sebelumnya kerja-kerja jalan itu hendak disiapkan.

Begini juga dengan Seksyen 70 Akta 133 iaitu Notis mengenai bangunan baharu.

Menurut beliau secara rambang terdapat kes-kes di mana Kebenaran Merancang tidak wujud akan tetapi bangunan wujud dan beroperasi tanpa lesen. Tindakan oleh Jabatan dengan mengeluarkan notis telah diambil akan tetapi tiada tindakan susulan. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar Majlis mengkaji dan melihat semula pelaksanaan akta agar tindakan dapat dilaksanakan sehingga menguntungkan kedua-dua pihak.

Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.

7.4 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK OON CHONG LING

- 7.4.1 Beliau mengucapkan tahniah keada Unit PANTAS, MBPJ yang mengambil tindakan segera ke atas kebakaran rumah di SS 9A/18 pada 23 Februari 2016. Ini bermakna sistem aduan Majlis berfungsi dengan baik.

Selain daripada itu, beliau berharap agar Majlis dapat membantu enam (6) keluarga yang kehilangan tempat tinggal semasa kebakaran tersebut untuk mendapatkan rumah PPR.



7.4.2 Pada 30 Oktober 2015, Y.A.B. Datuk Menteri Besar Selangor telah mengecualikan cukai pintu, rumah kos rendah dan pengurangan lesen kepada peniaga OKU. Akan tetapi Majlis tidak dapat memulangkan semula wang yang telah dibayar dan akan memberi kredit untuk tahun-tahun akan datang. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Majlis dapat mengembalikan wang tersebut selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor yang ingin membantu peniaga-peniaga kecil.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7.5 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN

7.5.1 Beliau memaklumkan bahawa sejak akhir-akhir ini banyak agenda dan minit mesyuarat diedarkan semasa mesyuarat bersidang. Keadaan ini boleh menyebabkan Ahli Majlis kurang bersedia untuk membincangkan dan mengesahkan minit mesyuarat. Sepatutnya minit dan agenda mesyuarat diedarkan tiga (3) hari sebelum mesyuarat bersidang. Sebelum ini perkara ini tidak banyak berlaku akan tetapi sejak akhir-akhir ini kebanyakkan kertas kerja yang akan dibincangkan diedarkan semasa mesyuarat bersidang terutama mesyuarat jawatankuasa majlis.

Beliau berpendapat bahawa kelewatan penghantaran agenda adalah disebabkan kurangnya kerjasama dikalangan jabatan yang menghantar agenda atau minit lewat ke Unit Urusetia Mesyuarat. Beliau berharap agar masalah ini dapat diatasi bagi kepentingan bersama.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.56 pagi. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Mesyuarat uang hadir pada pagi ini.

(JOHARY BIN ANUAR) AMS

Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 11 Mac 2016



LAMPIRAN KEHADIRAN

HADIR:

- | | |
|---|-------------|
| 01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain,
Datuk Bandar, MBPJ. | - Pengerusi |
| 02. Tuan Johary bin Anuar,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ. | |
| 03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 05. Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 06. Encik Oon Chong Ling,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 07. Encik Ang Ming Ern,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 08. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 09. Encik Azizi bin Ariffin,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 10. Puan Sia Siew Chin,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 11. Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 12. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 13. Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 14. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ. | |



15. Encik Shatiri bin Mansor,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Cik Jamaliah binti Jamaluddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Ghandimathi a/p Suppiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Derek John Fernandez,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Encik Ong Swee Long, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Puan Wong Yuet Leng, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Wakil Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Faiwos binti Abd. Hamid,
Wakil Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.



04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Lanskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Puan Mahzurah binti Mohd Amin,
Wakil Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hajah Norlida binti Md. Isa,
Pengarah, Unit Audit Dalam dan Integriti, MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,
Pengarah, Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.



19. Puan Saliza binti Mohd Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Ho Fook Chuan,
Wakil Parlimen Kelana Jaya.
02. Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin,
Penyelaras DUN Kota Damansara.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

